

Kit Histeria ciptaan UMP

Oleh Rosniza
Mohd Taha
roniza@NSTP.com.my

Kuala Lumpur

Empat bahan saintifik dan mudah dikenali iaitu sepit kayu, penyembur lada hitam, garam hidu ammonia dan cuka getah boleh digunakan bagi merawat pesakit histeria.

Kayu sepit yang diletakkan di celah jari kaki mangsa sebelum jari ditarik ke belakang, dipercayai mampu menyakitkan makhluk merasuk dan membuatkan ia keluar daripada tubuh mangsa.

Jika kaedah itu tidak berkesan dan mangsa histeria bersifat agresif, rawatan dilanjutkan dengan penggunaan penyembur lada hitam pada mata bagi melemahkan mangsa.

+ Bagi mangsa histeria yang pengsan atau pitam, kapsul garam hidu ammonia diletak berhampiran hidung mangsa untuk menyedarkannya sementara asid formik disiram pada lokasi yang diketahui pasti wujud visual aneh punca kerasukan.

Inovasi

Inovasi perubatan kompleks ini dicadangkan sekumpulan penyelidik Pusat Bahasa Modern dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia PAhang (UMP) yang diketuai Dr Mahyuddin Ismail menerusi produk Kit

Anti-Histeria Manara.

Dr Mahyuddin berkata, selain empat bahan rawatan itu, kit berkenaan turut mengandungi buku manual panduan serta kaedah pemulihara histeria; matrik dan inventori bagi pengelasan kategori dan tahap histeria; poster Panduan Menangani Histeria Semua ABC serta buku rekod kes histeria.

"Saya dan dua lagi penyeledik iaitu Dr Fatmawati Latada dan Dr Syed Mohd Saufi Tuan Chik menghasilkan kit ini bagi membantu menangani kes histeria terutama di sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi mengelak proses pengajaran dan pembelajaran terjejas.

"Pengalaman 10 tahun berkhidmat sebagai pengamal perubatan Islam di Pusat Rawatan Al-Manarah saya manfaatkan untuk menghasilkan kaedah dan pendekatan yang boleh diguna pakai masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa dengan bantuan Dr Fatmawati Latada dan Dr Syed Mohd Saufi Tuan Chik." Katanya ketika ditemui pada Ekspo Teknologi Malaysia di sini, baru-baru ini.

Kit itu mudah dikendalikan oleh sesiapa saja kerana tidak memerlukan bacaan atau kemahiran khusus serta bebas daripada sebarang unsur mistik atau metafizik kerana menggunakan bahan saintifik yang selamat dan mudah dikendalikan.

Dr Mahyuddin berkata, keberkesanan penggunaan



[FOTO AFENDI MOHAMED / BH]

kit itu bergantung kepada pematuhan terhadap proses-digarisikan berdasarkan prinsip ABC iaitu analisis, bertindak dan cegah.

Kategori mangsa

Sebelum menggunakan empat bahan rawatan itu, katanya, pengasingan mangsa histeria serta anali-

sis kejadian histeria perlu dilakukan bagi menentukan tahap histeria sama ada kronik, semi kronik atau tidak kronik berbandaran Matrik Pengkategorian Tahap Histeria yang turut disertakan dalam kit itu.

"Antara tanda tahap kronik ialah mangsa individu yang sama, me-

ngalami kerasukan tanpa mengira tempat, bertindak agresif, tidak sedar dan luar kawalan. Mangsa histeria kategori ini boleh dirawat menggunakan kit dibekalkan, tetapi mungkin akan berulang kali mengalamiinya. Sebaiknya, mangsa ini mendapat rawatan lanjut daripada pakar berkaitan.

"Mangsa semi kronik pula lazimnya terbabit dalam usaha menolong mangsa kronik atau lemah semangat dan diketahui tidak pernah dirasuk. Reaksi mereka juga berbeza iaitu kemurungan, separuh sedar dan sedih tanpa sebab."

"Mangsa tidak kronik pula dikaitkan dengan lokasi tertentu yang dikatakan 'keras'. Besar kemungkinan mangsa ternampak jelmaan lembaga menakutkan di lokasi itu lalu mengalami kerasukan dalam keadaan sedar," katanya.

Keberkesanan

Dr Mahyuddin berkata, berdasarkan pengalaman menggunakan kit itu di institusi pendidikan, kebanyakannya mangsa berjaya diselesaikan menggunakan sepit kayu dan asid formik saja.

"Rahsia penggunaan sepit kayu pada kaki mangsa kerana dipercayai kaki satu daripada 'jalan' makhluk memasuki tubuh mangsa. Apabila ia sakit menerusi kaedah ini, ia akan cepat keluar daripada tubuh mangsa. Pernah sekali makhluk yang merasuk pelajar 'berkata' 'kenapa kau cekik leher aku' apabila saya gunakan kaedah ini terhadap pelajar yang dirasuk."

"Dalam satu kes lain, pelajar sebuah sekolah yang kerap mengalami kejadian histeria mengadu sering melihat bayi berlumuran darah di padang sekolah. Kami siramkan asid formik di lokasi, Alhamdulillah, tiada lagi kejadian histeria di sekolah berkenaan," katanya.

Asid formik digunakan kerana ia mengeluarkan bau kuat selain berunsur panas, membuatkan ia tidak disenangi makhluk halus, namun pengendalian perlu dilakukan secara berhati-hati memandangkan asid formik ialah bahan kimia.